

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN

NOVEMBER 2024

Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 0.9 peratus pada November 2024

PUTRAJAYA, 10 Disember 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, NOVEMBER 2024**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks seunit harga besi merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 0.9 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada November 2024 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit bahan ini dicatatkan di Kota Kinabalu (0.9%), diikuti dengan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.5%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.3%).

Selain daripada itu, Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit simen dan pasir pula kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada November 2024. Namun begitu, terdapat penurunan antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 4.4 peratus indeks harga seunit keratan keluli dan logam bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada November 2024 berbanding bulan lepas.

Perbandingan tahunan untuk tempoh November 2023 dan November 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 2.8 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (2.8%), diikuti dengan Pahang (2.7%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.2%).

Namun begitu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 0.6 peratus hingga negatif 3.6 peratus pada November 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) merekodkan peningkatan kecil, dengan purata harga RM23.25 per 50 kg sekarung berbanding Oktober 2024 (RM23.22 per 50 kg sekarung). Selain daripada itu purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* pula telah mencatatkan penurunan (-0.1%) dengan purata harga RM3,628.90 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Oktober 2024: RM3,631.58 per tan metrik). Purata harga bahan ini juga telah mencatatkan penurunan secara konsisten setiap bulan sejak Julai 2024.

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia merekodkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.5 peratus pada bulan November 2024 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan bagi IKB termasuk bar keluli telah dicatatkan bagi hampir semua kategori bangunan kecuali Cerucuk Kayu di kawasan Perak, Johor dan Terengganu & Kelantan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit peningkatan antara 0.1 peratus sehingga 0.3 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

Tambahan daripada itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah pula menunjukkan peningkatan kecil iaitu antara 0.3 peratus hingga 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan kecuali Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu di Kota Kinabalu.

Manakala, IKB bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan dan Tawau pula kekal tidak berubah.

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada November 2024 juga mencatatkan penurunan kecil antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 1.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching. Manakala IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu pula mencatatkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus hingga 0.8 peratus dan IKB termasuk bar keluli bagi kawasan Miri kekal tidak berubah.


Bagi perspektif global, berdasarkan laporan Commodity Outlook yang diterbitkan oleh World Bank pada Oktober 2024, harga bijih besi merosot sebanyak 12 peratus pada suku ke-3 2024 (berbanding suku ke-2 2024), namun begitu harga melonjak pada awal Oktober berikutan pengumuman langkah pengawalseliaan bertujuan untuk menstabilkan permintaan harta tanah di China. Penurunan harga bijih bes yang merupakan input utama untuk pengeluaran keluli mencerminkan permintaan keluli yang perlahan, terutamanya di China, disamping lebihan yang banyak dalam bekalan. Laporan tersebut turut menjangkakan, kemungkinan sektor harta tanah China yang perlahan secara berterusan dijangka akan mengekalkan permintaan bijih bes yang lemah. Selain itu, pertumbuhan yang stabil dalam pengeluaran bijih besi dari Australia dan Brazil sebagai dua pengeluar terbesar dunia bersama-sama dengan pengeluaran kos rendah baru dari Afrika Barat dijangka akan penurunkan lagi paras harga. Laporan ini turut menyatakan jangkaan harga bijih besi turun 10 peratus pada tahun ini. Selain daripada itu, diunjurkan harga bahan ini akan turun sebanyak 12 peratus pada tahun 2025 dan 5 peratus pada 2026.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 10 Disember 2024

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – November 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – November 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 DISEMBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, December 10, 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA

NOVEMBER 2024

The unit price index of steel recorded an increase between 0.2 per cent to 0.9 per cent in November 2024

PUTRAJAYA, December 10, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, NOVEMBER 2024. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the monthly comparison showed an increase in the unit price index of steel between 0.2 per cent to 0.9 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in November 2024 as compared to the previous month. The highest increase was in Kota Kinabalu (0.9%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.5%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.3%).

The Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of cement and sand remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in November 2024. Meanwhile, the unit price index of steel & metal sections registered a decline between negative 0.3 per cent to negative 4.4 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in November 2024 as compared to the previous month.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, December 10, 2024

An annual comparison for the period of November 2023 and November 2024 indicated that the unit price index of cement increased between 0.2 per cent to 2.8 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (2.8%), followed by Pahang (2.7%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.2%).

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.6 per cent to negative 3.6 per cent in November 2024 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also elaborated that the average price of cement (Ordinary Portland) slightly increase with an average price of RM23.25 per 50 kg bag as compared to October 2024 (RM23.22 per 50 kg bag). The average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a decrease (-0.1%) with an average price of RM3,628.90 per metric tonne as compared to the previous month (October 2024: RM3,631.58 per metric tonne). The average price of this material has also recorded a consistent decrease every month since July 2024.

The BCI with steel bars for all building categories recorded a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.5 per cent in November 2024 as compared to previous month. The decrease for the BCI with steel was recorded for almost all building categories except Timber Piling in Perak, Johor and Terengganu & Kelantan. However, there are slight increase between 0.1 per cent and 0.3 per cent for almost all building categories in Pulau Pinang, Kedah & Perlis and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

Additionally, BCI with steel bars in Sabah also showed a slight increase between 0.3 per cent to 0.5 per cent for almost all building categories except for Timber Building and Timber Piling in Kota Kinabalu. Meanwhile, the index for almost all other building categories in Sandakan and Tawau remained unchanged.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, December 10, 2024

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for November 2024 also registered a slight decrease between negative 0.3 per cent to negative 1.2 per cent for almost all categories of buildings in Kuching. However, BCI with steel bars for almost all building categories in Sibu showed a slight increase between 0.1 per cent to 0.8 per cent and BCI with steel bars in Miri remained unchanged.

On a global perspective, based on the Outlook Report released by World Bank in October 2024, iron ore prices declined by 12 per cent in the third quarter 2024 Q3 (as compared to second quarter 2024) but jumped in early October following the announcement of regulatory measures intended to stabilize property demand in China. Earlier declines in iron ore price as the main input for steel production will reflect softening steel demand, notably in China, amid plentiful supplies. The report also mentioned that, the likelihood of continued softness in China's property sector is expected to keep iron ore demand subdued. Additionally, steady growth in iron ore production from Australia and Brazil as the world's two largest producers and along with new low-cost production from West Africa, is expected to exert further downward pressure on prices. The report also expected iron ore prices to drop 10 per cent this year. Besides that, iron ore prices are projected to fall by 12 per cent in 2025 and 5 per cent in 2026.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, December 10, 2024

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – November 2024





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – November 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 DECEMBER 2024**